

**Dr M: Perdagangan matawang umpama sarang perjudian**  
**Malaysian Insider**  
**November 26, 2012**  
**Oleh Zurairi AR**

KUALA LUMPUR, 26 Nov — Bekas perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, perdagangan matawang kini tidak ubah seperti sarang perjudian.

“Perdagangan kewangan bukannya pasaran yang sebenar, ia umpama sarang perjudian, kadang-kala menang, kadang-kala kalah, dan bila kalah, mereka akan bankrap,” kata Dr Mahathir dalam World Conference on Riba kali ketiga di Palace of Golden Horses pagi ini.

Dr Mahathir mendakwa bahawa industri perdagangan kewangan menjana AS\$4 trilion (RM12.21 trilion) yang menurut beliau bersamaan dengan nilai perdagangan di Jerman, tetapi tidak mencipta peluang pekerjaan.

“Anda tidak perlu mengambil pekerja dalam pasaran kewangan, kerana dalam pasaran ini, anda boleh buat duit tanpa mengambil sebarang pekerja pun,” kata pengasas Yayasan Kepimpinan Perdana itu.

Dr Mahathir yang menjadi perdana menteri selama 22 tahun sehingga tahun 2003 itu terus mengkritik peniaga matawang yang mengakibatkan krisis kegawatan ekonomi Asia pada tahun 1997.

Beliau juga menggalakkan orang ramai untuk “membeli dan menyimpan emas” kerana nilainya sentiasa kukuh.

Pada Jun lalu, pemimpin DAP Lim Kit Siang mendakwa Dr Mahathir bertanggungjawab dalam skandal Bank Negara Malaysia menyebabkan kerugian wang asing sebanyak RM30 billion.

Lim memberi respon kepada kenyataan bekas timbalan gabenor, Dr Rosli Yaakop yang berkata perniagaan matawang asing itu dijalankan oleh Tun Daim Zainuddin dan dipersetujui Dr Mahathir sendiri.

Majlis Fatwa Kebangsaan pada Februari lalu mengharamkan perdagangan matawang, kerana ia melibatkan spekulasi matawang.

Pengerusi majlis, Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin berkata umat Islam harus tidak terlibat dengan pasaran kewangan kerana ketidaktentuan sumbernya.

Abdul Shukor kemudian menjelaskan ia hanya untuk individu yang terlibat dalam perniagaan secara elektronik.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-m-perdagangan-matawang-umpama-sarang-perjudian/>